

8

PERANAN DALAM PARTI POLITIK DAN KABINET

Dalam bab ini menghuraikan peranan wakil rakyat secara langsung dalam parti politik yang diwakilinya. Selain daripada peranan parlimentari dan konstituensi, wakil rakyat mempunyai peranan utama kepada parti politik yang diwakilinya (Stillborn, 2002). Semua wakil rakyat mewakili parti politik tertentu kecuali wakil rakyat Bebas. Selain menjadi wakil rakyat, ia juga adalah pemimpin yang boleh dinilai di peringkat-peringkat tertentu dalam parti. Dengan kata lain, wakil rakyat mempunyai tanggungjawab yang besar kepada parti politik yang diwakilinya. Namun, ia bukan sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan kerana terdapat pelbagai cabaran dan masalah yang terpaksa dilalui sepanjang menjadi pemimpin dalam parti politik hingga membawa kepada pelbagai kemelut dan konflik yang berpanjangan hingga boleh menjejaskan prestasi dan perpaduan dalam parti politik.

Tidak hairanlah kebanyakan parti politik di Malaysia menghadapi masalah kepimpinan dan akhirnya membawa kepada konflik dalaman. Ia berlaku disebabkan beberapa faktor. Puncanya disebabkan perebutan kuasa, persaingan jawatan dalam parti politik, perbezaan pendapat dan sebagainya hingga menimbulkan kesan-kesan negatif kepada parti politik itu sendiri. Apabila berlaku banyak masalah dalam parti, maka perlu ada usaha ke arah membetulkan keadaan demi kerjasama, perpaduan dan kesepakatan yang boleh mengukuhkan semula kekuatan parti, di mana ia penting untuk menghadapi pilihan raya umum. Selain itu, dalam bab ini juga membincangkan peranan wakil rakyat dalam badan eksekutif sama ada dilantik sebagai menteri

atau pun peranannya dalam aspek pentadbiran dan pengurusan organisasi yang telah dilantik oleh kerajaan. Ini adalah merupakan peranan utama wakil rakyat walaupun ia bukanlah peranan hakikinya sebagai pemimpin atau perwakilan.

PERANAN DALAM PARTI POLITIK

Dapatan kajian menunjukkan sebanyak 64.3% wakil rakyat mewakili parti komponen BN dan 35.7% mewakili PR (lihat Jadual 8.1). Dalam komponen BN wakil rakyat UMNO seramai 20 orang, PBB (enam orang), MCA (lima orang), SPDP (dua orang), MIC dan SUPP masing-masing seorang). Manakala wakil rakyat PR diwakili oleh parti PAS seramai sembilan orang, PKR (lapan orang) dan DAP (empat orang). Sebagai pemimpin parti, wakil rakyat mempunyai tanggungjawab besar kepada parti terutama untuk memenangi pilihan raya dan memerintah. Wakil rakyat juga bertanggungjawab meningkatkan keahlian parti, mendapatkan sumber kewangan untuk parti, mengenal pasti pemimpin pelapis dan sebagainya. Di samping itu, wakil rakyat menghadapi pelbagai masalah dalam parti seperti konflik, perpuakan, perebutan kuasa, politik wang dan sebagainya.

Jadual 8.1: Jawatan dalam Parti Politik.

PERINGKAT (N = 56)	KEKERAPAN	PERATUS (%)
Cawangan		
Ahli Biasa/Tiada Jawatan	19	33.9%
Ketua Cawangan/Ketua Wanita	19	33.9%
Pengerusi/YDP Cawangan	8	14.3%
Ahli Jawatankuasa	2	3.6%
Pengerusi Tetap	2	3.6%
Timbalan Ketua Cawangan	1	1.8%